

02 JANUARI 2018

Juruterbang positif dadah berisiko dibuang kerja

Juruterbang positif dadah berisiko dibuang kerja

Kuala Lumpur: Seorang juruterbang Malindo Air yang ditahan di Batam, Indonesia kerana positif dadah jenis syabu, berdepan tindakan dibuang kerja jika siasatan lanjut mendapatinya bersalah.

Malindo Air menjelaskan, siasatan dalam turut dijalankan pada 30 Disember lalu selepas syarikat penerbangan terbabit dimaklumkan mengenai penahanan juruterbang berusia 34 tahun yang berasal dari Kelantan itu.

"Syarikat tidak berkompromi dalam hal sedemikian (penyalahgu-

Fakta
nombor

1.09 GRAM

syabu ditemui dalam beg juruterbang Malindo Air

naan dadah), justeru tindakan tegas akan diambil terhadap pekerja yang didapati terbabit dengan sebarang salah laku.

"Mana-mana pekerja (Malindo Air) didapati bersalah dibuang kerja dan diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sabtu lalu, seorang juruterbang Malindo Air berasal dari Malaysia ditahan di Batam, Indonesia kerana didapati positif dadah jenis syabu.

Pemeriksaan ujian saringan air

kencing oleh Badan Narkotika Nasional Provinsi (BNNP) Kepulauan Riau di Lapangan Terbang Antarabangsa Hang Nadim, Batam mendapati seorang juruterbang lelaki Malindo Air positif dadah jenis syabu, Khamis lalu.

Temui syabu, alat penghisap

Memetik laporan *Detik.com*, pemeriksaan lanjut menemui satu paket syabu seberat 1.09 gram dalam begasi milik suspek, selain alat penghisap dadah atau 'bong'.

Difahamkan, juruterbang terbabit diserahkan kepada Badan Nar-

kotika Nasional (BNN) Kota Batam untuk tindakan selanjutnya.

Malindo Air memberi jaminan saringan ujian air kencing bagi mengesan penyalahgunaan dadah secara berkala terhadap semua kakitangannya.

"Ia termasuk kru penerbangan dan juruterbang bagi memastikan mereka berada dalam keadaan sihat untuk menjalankan tugas pada setiap masa.

"Dasar ini selaras usaha memastikan keselamatan penerbangan dan penumpang menjadi keutamaan syarikat," katanya.